

14 DEC 2000

PM TIBA UNTUK LAWATAN SINGKAT KE KEDAH

ALOR SETAR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini untuk lawatan singkat ke negeri ini.

Perdana Menteri yang ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di lapangan terbang itu pada pukul 4.15 petang dan disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Yang turut hadir ialah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) Kedah serta penyokong-penyokong BN.

Dr Mahathir akan melawat Pekan Rabu, sebuah kompleks perniagaan Bumiputera terkenal di negeri ini pada pukul 5 petang.

Lawatan ke kompleks berkenaan merupakan rutin tahunan Perdana Menteri sempena menjelang sambutan Aidilfitri.

Kemudian, Perdana Menteri bersama-sama dengan penduduk tempatan akan menghadiri majlis berbuka puasa di masjid Felda Bukit Tangga, Kubang Pasu.

Dr Mahathir dijadual berlepas pulang ke ibu negara malam ini.

-- BERNAMA

MAN RHM